



27 April 2012  
27 April 2012  
P.U. (A) 112

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH INSURANS (PENGECUALIAN) 2012

*INSURANCE (EXEMPTION) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA INSURANS 1996

PERINTAH INSURANS (PENGECUALIAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 198 Akta Insurans 1996 [Akta 553], Menteri, setelah menimbangkan bahawa perkara yang akan dikecualikan adalah selaras dengan maksud Akta ini dan demi kepentingan awam, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Insurans (Pengecualian) 2012**.

**Pengecualian daripada perenggan 71(1)(a) Akta**

2. (1) ING Insurance Berhad, suatu penanggung insurans berlesen di bawah Akta yang mempunyai alamat berdaftar di Menara ING, 84, Jalan Raja Chulan, 50927 Kuala Lumpur dikecualikan daripada perenggan 71(1)(a) Akta berhubungan dengan pelantikan Bruce Murray Hodges (Nombor Pasport: BA723733) yang dibuat olehnya sebagai ketua pegawai eksekutif dan pengarah eksekutif ING Insurance Berhad.

(2) ING Management Holdings (Malaysia) Sdn Bhd, pengawal ING Insurance Berhad yang mempunyai alamat berdaftar di ING Management Holdings (Malaysia) Sdn Bhd, Menara ING, 84, Jalan Raja Chulan, 50927 Kuala Lumpur dikecualikan daripada perenggan 71(1)(a) Akta berhubungan dengan pelantikan Bruce Murray Hodges (Nombor Pasport: BA723733) yang dibuat olehnya sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas ING Management Holdings (Malaysia) Sdn Bhd.

(3) Bruce Murray Hodges (Nombor Pasport: BA723733) dikecualikan daripada perenggan 71(1)(a) Akta berhubungan dengan—

(a) penerimaan pelantikannya sebagai ketua pegawai eksekutif dan pengarah eksekutif ING Insurance Berhad; dan

(b) penerimaan pelantikannya sebagai pengarah bukan eksekutif bukan bebas ING Management Holdings (Malaysia) Sdn Bhd.